

**JAWATAN : PENOLONG AKAUNTAN GRED W29**

**Kumpulan** : **Pelaksana**

**Jadual Gaji** : **RM1,510.92 – RM5,678.00**

**Taraf Jawatan** : **Tetap**

**SYARAT LANTIKAN**

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - a) i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,510.92); atau  
ii) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan RM1,510.92); atau  
iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,776.08); atau  
iv) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,001.68).
  - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)**

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau  
ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - b) had umur pelantikan:
    - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

**RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab membantu melaksanakan sistem perakaunan mengikut prosedur dan peraturan yang berkaitan.